KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | HARIAN METRO | | | |
| TARIKH | : | 27/12/2021 (ISNIN) | MUKA SURAT | : | 16 |
| JABATAN | : | TNB | | | |



lokal

## TNB beri rebat penuh one-off untuk Disember

**Kuala Lumpur:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan memberi rebat 100 peratus secara sekali beri kepada mangsa banjir yang terjejas bagi meringankan beban mereka.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia membabitkan 72,000 pelanggan domestik dan tidak membabitkan kilang.

"Rebat bil elektrik ini bermakna bil akan dipulangkan balik dan ianya hanya *one-off* bagi Disember.

"Saya juga meminta TNB untuk membantu kediaman mangsa banjir B40 apabila bekalan elektrik disambung semula dan pendawaian (dilakukan) secara percuma.

> *Rebat bil elektrik ini bermakna bil akan dipulangkan balik dan ianya hanya one-off bagi Disember"*
>
> **Ismail Sabri**

"Kita tahu rumah lama terendam dalam air dan agak berbahaya, jadi TNB membuat pemeriksaan dan melakukan pendawaian percuma di Selangor, Pahang dan Kuala Lumpur," katanya pada sidang media di Masjid Al-Muttaqin di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, bagi pemilik kenderaan pula, Perodua menawarkan rebat perkhidmatan tunda, diskaun ke atas alat ganti terpilih dan upah buruh percuma untuk pemilik kenderaan Perodua yang terjejas akibat banjir.

"Pihak Perodua bersetuju untuk tidak mengenakan upah bagi servis dan memberikan 50 peratus diskaun kepada gantian alat ganti.

"Saya difahamkan Menteri Kewangan akan berunding dengan syarikat kereta yang lain dan saya harap lebih banyak syarikat mengikut jejak langkah ini," katanya.



ISMAIL Sabri beramah mesra dengan kanak-kanak ketika melawat lokasi banjir di Taman Sri Nanding, Hulu Langat, semalam. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN